

## PERSPEKTIF ULAMA DALAM MEMAHAMI KONSEP *BID'AH*: SUATU TINJAUAN

Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar,<sup>1</sup> Saadan Man,<sup>2</sup> Amram Dingdorrormaeng,<sup>3</sup>  
Mohd Anuar Ramli,<sup>1</sup> dan Norhidayah Pauzi<sup>1</sup>

### Abstrak

Polemik mengenai *bid'ah* sentiasa hangat dan melahirkan aliran yang sentiasa berkembang dengan pendukung masing-masing. Artikel ini membincangkan asas pemikiran yang wujud dalam mentafsirkan konsep *bid'ah* beserta sandaran yang dipegang. Ia merupakan kajian lanjutan terhadap kajian yang sedia ada berhubung teori *bid'ah*. Dengan mengambil pendekatan kajian kepustakaan, data yang ada dianalisis secara perbandingan. Akhirnya, didapati terdapat tiga kelompok utama dalam memahami konsep *bid'ah*. Namun pertentangan berlaku antara dua aliran utama iaitu fuqaha yang memahami *bid'ah* dalam pengertian yang umum dan khusus. Manakala perbezaan kelompok ketiga hanya dari sudut penggunaan istilah sahaja.

**Kata kunci:** *bid'ah*, aliran pemikiran Islam, tafsiran teks wahyu

### *SCHOLARS' PERSPECTIVES IN UNDERSTANDING THE CONCEPT OF BID'AH: A SURVEY*

### Abstract

*The polemic of bid'ah is a boiling issue and has created strands of thought with its respective supporters. This article discusses the basic assumptions inherent in interpreting the concept of bid'ah and the sources. It is a continuation of existing studies on bid'ah theory. Using the library study approach, the existing data are analysed comparatively. Finally, it is found that there are three schools of thought in understanding the concept of bid'ah. However, there is a contradiction between the two main schools, the fuqaha' who understand bid'ah in a general and specific sense. While the third strand difference is only in the usage of term.*

**Keywords:** *bid'ah, Islamic schools of thought, interpretation of revealed texts*

---

<sup>1</sup> Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar, Mohd Anuar Ramli dan Norhidayah Pauzi, PhD, adalah Pensyarah Kanan di Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. E-mel: syedjeffri89@um.edu.my.

<sup>2</sup> Saadan Man, PhD, adalah Profesor Madya di jabatan yang sama.

<sup>3</sup> Dingdorrormaeng adalah calon PhD di jabatan yang sama.

## Pendahuluan

Isu *bid'ah* seringkali mendapat tempat dalam perbincangan hukum Islam sehinggakan secara sedar atau tidak ia telah melahirkan perpecahan dan keresahan dalam kalangan umat Islam apabila wujudnya kelompok yang taksub kepada pandangan tertentu sahaja dan menyesatkan mereka yang berbeza pandangan berhubung isu tersebut. Justeru, adalah penting seseorang memahami asas kefahaman para ulama terhadap perbincangan sekitar mengenai konsep *bid'ah* ini beserta pandangan ulama mengenainya. Justeru, maqalah ini memfokuskan mengenai asas perbincangan konsep *bid'ah* beserta pandangan fuqaha' berserta hujah yang dikemukakan tanpa melihat secara mendalam terhadap hujah yang dikemukakan oleh aliran yang wujud di dalam memahami konsep *bid'ah*. Keutamaan metodologi penulis adalah berasaskan kaedah komparatif.

## Konsep *Bi'dah* Menurut Bahasa

*Bid'ah* merupakan perkataan dari bahasa Arab yang berasal dari kalimah *bada'* yang membawa maksud sesuatu yang menjadi permulaan<sup>4</sup>. Dari segi bahasa *bid'ah* membawa maksud perkara baru yang berlaku di dalam agama dan selain agama<sup>5</sup>. Ibn Manzūr dalam *Lisān al-'Arab* menyatakan:

بدع: بدع شيء يبدعه بدعا وابتدعه: أنشأه وبدأه<sup>6</sup>.

Perkataan ini juga dinyatakan dalam beberapa ayat al-Quran dengan memberi beberapa gambaran:

قُلْ مَا كُنْتُ بِدَعَاٍ مِّنَ الرُّسُلِ وَمَا أَدْرَىٰ مَا يُفَعَّلُ بِي وَلَا بِيَوْمِئِذٍ إِنِّي أَتَّبِعُ إِلَّا مَا يُوحَىٰ إِلَيَّ وَمَا أَنَا إِلَّا نَذِيرٌ مُّبِينٌ

Terjemahan: Katakanlah lagi: Bukanlah aku seorang Rasul pembawa agama yang berlainan dari agama yang dibawa oleh rasul-rasul (yang telah lalu)<sup>7</sup>, dan aku tidak mengetahui apa

<sup>4</sup> Al-Fayruz al-Ābādī, *al-Qāmus al-Muḥīṭ* (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 2008), 103.

<sup>5</sup> *Al-Mu'jam al-Wasīṭ* (Mesir: Jumhuriyyah Miṣr al-'Arabiyah, 2010), 44.

<sup>6</sup> Muḥammad Ibn Mukarram Ibn Manzūr, *Lisān al-'Arab* (Beirut: Dār Ṣādir, 2005), 8:6.

<sup>7</sup> Agama Nabi Muhammad SAW adalah agama sama yang telah diwahyukan kepada rasul-rasul yang telah lalu. Lihat Sheikh Abdullah Basmeih, *Tafsir Pimpinan ar-Rahman* (Selangor: Darul Fikir Sdn. Bhd, 2010), 1345.

yang akan dilakukan kepadaku dan kepada kamu. Aku tidak melakukan sesuatu melainkan menurut apa yang diwahyukan kepadaku, dan aku tidak lain hanya seorang Rasul pemberi amaran yang jelas nyata.

Surah al-Aḥqāf 46:9

Ayat ini ditafsirkan dengan ungkapan berikut:

أي لست بأول رسول بعث إلى الناس، بل قد جاءت الرسل من قبل، فما أنا بالأمر الذي لا نظير له حتى تستنكروني<sup>8</sup>.

Terjemahan: Bukanlah aku merupakan rasul yang pertama sekali diutuskan kepada manusia. Bahkan telah datang para rasul sebelum ini. Justeru, bukanlah urusan agama yang dibawa oleh aku ini merupakan sesuatu yang asing sehingga kamu mengingkarinya.

Dapat difahami dari pernyataan di atas ia menunjukkan kepada permulaan sesuatu perkara. Manakala dalam ayat lain juga dinyatakan:

وَرَهْبَانِيَّةً ابْتَدَعُوهَا مَا كَتَبْنَاهَا عَلَيْهِمْ إِلَّا ابْتِغَاءَ رِضْوَانِ اللَّهِ فَمَا رَعَوْهَا حَقَّ رِعَايَتِهَا فَآتَيْنَا الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْهُمْ أَجْرَهُمْ<sup>ط</sup> وَكَثِيرٌ مِنْهُمْ فَاسِقُونَ.

Terjemahan: Dan (perbuatan mereka beribadat secara) *Rahbaniyyah*<sup>9</sup> merekalah sahaja yang mengadakan dan merekanya: Kami tidak mewajibkannya atas mereka: (mereka berbuat demikian) kerana mencari keredaan Allah: dalam pada itu mereka tidak menjaga dan memeliharanya menurut yang sewajibnya. Oleh itu orang-orang yang beriman (kepada Nabi Muhammad) di antara mereka, kami berikan pahalanya dan (sebaliknya) banyak di antara mereka yang fasiq.

Surah al-Ḥadīd 57:27

Mengada-adakan yang dimaksudkan dalam ayat di atas ialah mengadakan suatu cara peribadatan baru yang tidak disyariatkan.

<sup>8</sup> *Al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah* (Kuwait: Wizārah al-Awqāf wa al-Syu'ūn al-Islāmiyyah, 1986), 8:21.

<sup>9</sup> Beribadat secara *Rahbaniyyah* yang dimaksudkan ialah seperti bertapa di tempat-tempat yang terpencil, mengharamkan dirinya daripada berkahwin dan menjauhi kemewahan hidup. Lihat Sheikh Abdullah Basmeih, *Tafsir Pimpinan ar-Rahman*, 1472.

Perkataan *bid'ah* juga menggambarkan sesuatu yang agung berdasarkan firman Allah SWT:

بَدِيعُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَإِذَا قَضَىٰ أَمْرًا فَإِنَّمَا يَقُولُ لَهُ كُن فَيَكُونُ.

Terjemahan: Allah jualah yang menciptakan langit dan bumi (dengan segala keindahannya) dan apabila ia berkehendak (untuk menjadikan) sesuatu, maka ia hanya berfirman kepadanya: jadilah engkau, lalu menjadilah ia.

Surah al-Baqarah 2:117

Kalimah *badi'* dalam ayat ini juga menunjukkan ia adalah sebahagian dari nama dan sifat Allah SWT yang memberi maksud mencipta sesuatu yang baru tanpa ada contoh sebelumnya<sup>10</sup>. Dalam konteks ayat ini ia merujuk kepada Allah SWT mencipta langit dan bumi tanpa ada penciptaan yang sama sebelumnya<sup>11</sup>. Ia juga menunjukkan suatu penciptaan yang agung.

Dapat difahami kalimah *bid'ah* dari segi bahasa menunjukkan sesuatu perkara baru yang tiada contoh sebelumnya. Ia bersifat umum merangkumi semua perkara sama ada perkara baik atau buruk<sup>12</sup> yang wujud atau tidak wujud pada zaman Nabi SAW. Penggunaan perkataan ini dari segi bahasa juga meluas melibatkan semua aspek kehidupan termasuklah pembangunan, pengangkutan dan sebagainya.

### Konsep *Bi'dah* Menurut Istilah

Manakala dari sudut terminologi terdapat perbincangan yang panjang dalam kalangan fuqaha dalam menentukan takrifan *bid'ah*. Secara amnya takrifan *bid'ah* dari sudut terminologi terbahagi kepada tiga kefahaman: Pertama kefahaman yang mentafsirkan *bid'ah* kepada dua iaitu *hasanah* dan *dalālah*. Kedua mereka yang memahami *bid'ah* dengan mentafsirkannya kepada setiap perkara baharu yang berlaku di dalam urusan agama selepas zaman Rasulullah SAW, termasuk di dalam batasannya perkara yang kelihatan baik secara zahirnya mahupun jelas keburukannya dan kedua-duanya merupakan perkara yang dilarang dan ditegah.

<sup>10</sup> Ibn Manzūr, *Lisān al-'Arab*, 8:6.

<sup>11</sup> Muḥammad Sulaymān 'Abd al-Allāh al-Ashqar, *Zubdah al-Tafsīr min Fath al-Qādir* (Kuwait: Wizārah al-Awqāf wa al-Syu'ūn al-Islāmiyyah 1988), 23.

<sup>12</sup> Nazih Maḥmūd 'Afwan Maḥmūd, *Dawābit wa Qawā'iduhā al-Uṣūliyyah wa al-Fiqhiyyah* (Disertasi, Jāmi'ah al-Najah Waṭaniyyah, Palestin, 2009), 10.

Ketiga kefahaman yang mentafsirkan *bid'ah* kepada setiap perkara baharu yang bertentangan dengan hukum syarak yang menatijahkan ia sebagai perkara yang terkeji.

Perbincangan mengenai teori ini sangat penting bagi menangani setiap perkara cabang yang terhasil darinya, sebagai contoh mereka yang mentafsirkan *bid'ah* kepada setiap perkara baharu yang berlaku di dalam urusan agama, maka kelompok ini akan bersifat tegas terhadap setiap perkara yang tidak berlaku pada zaman awal dengan menghukumkannya sebagai perkara yang dilarang tanpa menilai dari sudut baik atau buruk perkara tersebut. Manakala bagi mereka yang mengakui wujud *bid'ah hasanah* dan *dalalah* mereka akan menerima sebahagian serta menolak sebahagian perkara baharu berdasarkan garis panduan syarak. Sesuatu yang diterima dan diakui syarak akan dinamai dengan *bid'ah hasanah* manakala bagi perkara yang bercanggah dengan hukum atau dalil syarak akan dinamai sebagai *bid'ah dalalah*. Sementara bagi kelompok yang memahami *bid'ah* dengan merujuk kepada setiap perkara yang bertentangan dengan hukum syarak ia menatijahkan perbincangan *bid'ah* sebagai perkara yang ditegah, namun dalam masa yang sama mereka menerima perkara baharu dalam penggunaan istilah yang lain. Rumusan hasil dari penelitian terhadap teori yang dinyatakan oleh para fuqaha *mutaqaddimīn* terhadap definisi *bid'ah* boleh dilihat sebagaimana berikut:

Jadual 1: Fuqaha' yang menerima dan menolak pembahagian *bid'ah* kepada *hasanah* dan *dalalah* dari sudut istilah,<sup>13</sup>

Bil.	Nama	Wafat (Hijrah)	Mazhab	Dalāl	Hasan Dalal	Lain-lain
1	Mālik	179	Mālikī	√		
2	Al-Shāfi'ī	150	Shāfi'ī		√	
3	Ibn Wadah al-Qurṭubī	286	Maliki	√		
4	Al-Khattābī	388	Shāfi'ī	√		
5	Ibn Baṭṭāl	449	Mālikī		√	
6	Ibn Ḥazm	456	Zāhirī		√	
7	Ibn 'Abd al-Barr	463	Mālikī		√	

<sup>13</sup> Lihat lebih lanjut dalam, Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar, "Analisis Perbandingan Antara Pemikiran Ibn 'Abd al-Salām (M660H) dan al-Shāṭibī (M790H) Tentang Teori Bid'ah" (Tesis Kedoktoran, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2017), 24:46.

Bil.	Nama	Wafat (Hijrah)	Mazhab	Dalāl	Hasan Dalal	Lain-lain
8	Al-Ghazālī	505	Shāfi'ī		√	
9	Al-Ṭurṭūshī	525	Mālikī	√		
10	Ibn al-'Arabiyy	543	Mālikī		√	
11	Ibn 'Asākir	571	Shāfi'ī		√	
12	Ibn Jawzī	597	Ḥanbalī			√
13	Ibn Athīr	630	Shāfi'ī		√	
14	Abū Shāmah	665	Shāfi'ī		√	
15	Ibn 'Abd al-Salām	660	Shāfi'ī		√	
16	Al-Qurṭubī al-Mālikī	671	Mālikī		√	
17	Al-Nawāwī	676	Shāfi'ī		√	
18	Al-Qarrāfī	684	Mālikī		√	
19	Ibn Abī al-Faṭḥ al-Ba'lī	709	Ḥanbalī		√	
20	Ibn Taymiyyah	728	Ḥanbalī	√		
21	Ibn Kathīr	774	Shāfi'ī	√		
22	Shams al-Dīn al-Kirmānī	786	T*		√	
23	Al-Shāṭibī	790	Mālikī	√		
24	Al-Zarkashī	794	Shāfi'ī		√	
25	Ibn Rajab	795	Ḥanbalī	√		
26	Al-Jurjānī	816	Ḥanafī	√		
27	Ibn Ḥajar al-'Asqalānī	852	Shāfi'ī	√		
28	Badr al-Dīn al-'Aynī	866	Ḥanafī		√	
29	Al-Suyūṭī	911	Shāfi'ī		√	
30	Al-Qaṣṭalanī	923	Shāfi'ī		√	
31	Ibn Ḥajar al-Haythāmī	974	Shāfi'ī	√		
32	Al-Munāwī	1031	Shāfi'ī		√	
33	'Abd al-Ḥaq al-Dahlawī	1052	Ḥanafī		√	
34	Al-Zarqanī	1122	Mālikī		√	
35	Al-Ṣan'ānī	1182	Zaydiyah		√	
36	Al-Shawkānī	1250	T*	√		
37	Muḥammad al-Hind	1304	Ḥanafī	√		

\*T: Tidak dapat dipastikan

Berdasarkan pernyataan fuqaha' dalam mendefinisikan *bid'ah*, kajian berjaya menghimpunkan sebanyak 37 orang fuqaha yang daripada pelbagai mazhab fiqh. Hasil daripadanya terdapat seramai 13 orang yang mendefinisikan *bid'ah* dengan satu hala iaitu kesesatan, 23 daripadanya membahagikan *bid'ah* kepada *hasanah* dan *dalālah* serta seorang daripadanya mengambil jalan

tengah antara kedua-dua pandangan yang dinyatakan. Dapat disimpulkan pandangan yang membahagikan *bid'ah* kepada dua merupakan pandangan jumbuh fuqaha dalam mendefinisikan *bid'ah*. Manakala pandangan yang menyatakan bahawa kesemua *bid'ah* itu sesuatu yang dilarang merupakan pandangan sebahagian fuqaha. Walau bagaimanapun pernyataan ini hanya terdiri daripada sudut istilah semata-mata tanpa melihat daripada sudut pengaplikasian teori-teori yang dikemukakan.

### Asas Pendekatan Pemikiran dalam Memahami *Bid'ah*

Jika diteliti susur galur perbincangan mengenai *bid'ah*. Tidak terdapat suatu hadith yang secara khusus menyebut perkara sedemikian adalah *bid'ah*. Sebaliknya terdapat hadith yang umum berbentuk kejian terhadap *bid'ah*. Begitu juga ungkapan-ungkapan para sahabat dan tabi'in, kesemuanya datang dalam keadaan umum mengenai *bid'ah*. Hadith utama dalam membicarakan *bid'ah* adalah hadith daripada 'Irbad Ibn Sariyyah yang menyatakan setiap *bid'ah* itu sesat sebagaimana berikut:

فعلیکم بسنتي وسنة الخلفاء الراشدين المهديين تمسکوا بها، وعضوا علیها بالنواجذ، وإیاکم ومحدثات الأمور، فإن کل محدثة بدعة، وکل بدعة ضلالة<sup>14</sup>.

Terjemahan: Oleh itu hendaklah kamu berpegang teguh dengan sunnahku dan sunah *Khulafā' al-Rāshidīn* berpegang dan genggamlah sekuat-kuatnya. Dan jauhilah kamu daripada mengada-adakan sesuatu perkara kerana setiap perkara baru itu adalah *bid'ah* dan setiap *bid'ah* itu adalah sesat.

Persoalan yang timbul berdasarkan hadith tersebut adalah bagaimana untuk memahami *bid'ah* yang disebut dalam hadith. Pelbagai tafsiran yang wujud dalam kalangan para fuqaha untuk memperjelaskan maksud *bid'ah* yang dikehendaki dalam hadith. Berdasarkan penelitian terdapat tiga pendekatan para fuqaha dalam mentafsirkan teori *bid'ah*. Ini dibincangkan seterusnya.

<sup>14</sup> Hadith Riwayat Abū Dāwūd, Kitab Sunnah, *Bab fī Luzūm al-Sunnah*, no hadith 4607. Lihat Abū Dāwūd Sulaymān al-'Ash'ath, "Sunan Abū Dāwūd" (t.tp.:t.p, t.t.), 4:200. Hadith Riwayat al-Tirmidhī, *Bab Ma Ja 'a fī Akhāzi bi al-Sunnah wa al-Ijtinab al-Bida'*, no hadith 2676. Lihat Muḥammad Ibn 'Īsā al-Tirmidhī, "Sunan al-Tirmidhī" (t.tp.: t.p., t.t.), 5:44. Al-Tirmidhī mengatakan hadith ini hasan.

### Pendekatan Pertama dalam Mentafsirkan Konsep Bid'ah

*Bid'ah* merujuk setiap perkara yang tidak pernah berlaku pada zaman Rasulullah SAW. *Bid'ah* terbahagi kepada dua iaitu *ḥasanah* dan *ḍalālah*. Sesuatu yang selari dengan dengan kaedah syarak ia adalah *ḥasanah*, adapun sesuatu yang bercanggah dengan kaedah syarak ia adalah *bid'ah* yang dikeji. Pandangan ini merupakan pandangan jumah fuqaha di dalam memahami *bid'ah*.

Fuqaha' terawal mentafsirkan pembahagian ini adalah al-Imam al-Shafi'i (150-204H). Beliau menyatakan sebagaimana yang diriwayatkan oleh Ibn Hajar al-'Asqalānī dalam kitabnya *Fath al-Bārī*, telah berkata al-Shāfi'ī<sup>15</sup>:

البدعة بدعتان: محمودة ومذمومة، فما وافق السنة فهو محمود وما خالفها فهو مذموم.

Terjemahan: *Bid'ah* terbahagi kepada dua: terpuji dan tercela, sesuatu yang selari dengan sunnah adalah terpuji, manakala yang bercanggah dengan sunnah adalah dicela.

Al-Shāfi'ī menjelaskan secara terperinci berhubung dengan perkara baru yang berlaku terbahagi kepada dua sebagaimana yang dinyatakan al-Bayhāqī<sup>16</sup>:

المحدثات من الأمور ضربان: ما أحدث يخالف كتاباً أو سنة أو أثراً أو إجماعاً، فهذه بدعة ضلالة. وما أحدث من الخير لا خلاف لواحد من هذا، فهذه محدثة غير مذمومة.

Terjemahan: *Muhdathāt* terdiri daripada dua, perkara yang bercanggah dengan kitab atau sunnah atau *athar* atau ijmak adalah *bid'ah ḍalālah*. Perkara baharu yang baik dan tidak bercanggah dari salah satu perkara tersebut ia *muhdathāt* yang tidak dikeji.

Pengertian ini berdasarkan kepada *athar* dari Saidina Umar al-Khattab r.a. mengenai anjuran untuk menghidupkan malam Ramadan dengan mendirikan tarawih secara berjemaah dengan menyatakan "sebaik-baik *bid'ah* adalah ini"<sup>17</sup>.

<sup>15</sup> Ibn Hajar al-'Asqalānī, *Fath al-Bārī* (Riyadh: Bayt al-Afkār al-Dawliyyah 2007), 4:5253.

<sup>16</sup> Abū Bakr Aḥmad ibn Ḥusayn Ibn 'Alī al-Bayhāqī, *Manāqib al-Shāfi'ī* (Kaherah: Maktabah Dār al-Turath, t.t.), 1:469.

<sup>17</sup> Al-Bayhāqī, *Manāqib al-Shāfi'ī*, 1:469.



Selepas pentakrifan yang dinyatakan al-Shafi'ī sebagaimana yang diriwayatkan oleh al-Bayhaqī (M458H), sebahagian besar ulama-ulama selepasnya menerima pembahagian tersebut dengan memutuskan terdapat pembahagian *bid'ah* kepada *hasanah* dan *dalalah* berdasarkan *athar* yang sama antaranya Ibn Hazm (M456H)<sup>18</sup>, al-Qurtubī al-Mālikī (M671H)<sup>19</sup>, al-Zarqānī (M1122H)<sup>20</sup>.

Antara hujah lain yang mendokong kepada pembahagian *bid'ah* ini turut dinyatakan oleh Ibn Battal (M449H) dengan berlandaskan *athar* Ibn 'Umar yang memperihalkan solat dhuha sebagai sebaik-sebaik *bid'ah*<sup>21</sup>. Al-Qurtubī, al-Mālikī (M671H)<sup>22</sup> dan al-Nawāwī (M676H)<sup>23</sup> menambah dengan mentakhsiskan hadis setiap *bid'ah* itu sesat berdasarkan hadis *man sanna sannatan* sementara al-'Aynī (M866H) dalam menyokong pembahagian ini menyatakan *bid'ah hasanah* itu apa yang dilihat oleh orang mukmin sebagai perkara yang baik dan tidak bercanggah dengan al-Quran, al-Sunnah dan ijmak<sup>24</sup>.

Pandangan yang dinyatakan oleh al-Shafi'ī dilihat selari serta diterima oleh jumhur fuqaha selepasnya sekalipun tidak memperincikan dalil kepada pembahagian tersebut antaranya al-Ghazālī (M505H)<sup>25</sup>, Ibn al-'Arabī (M543H)<sup>26</sup>, Ibn 'Asākir (M571H)<sup>27</sup>, Ibn Athīr (M630H)<sup>28</sup>, Abū Shāmah (M665H)<sup>29</sup>, al-

<sup>18</sup> Abī Muḥammad 'Alī Ibn Aḥmad Ibn Hazm, *Al-Iḥkam fī Uṣūl al-Aḥkām* (Beirut: Dār al-Āfaq al-Jadīdah 1983), 1:47.

<sup>19</sup> Muḥammad Ibn Aḥmad al-Qurtubī, *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'ān* (Beirut: Mu'assasah al-Risālah 2006), 2:335.

<sup>20</sup> Muḥammad al-Zarqānī, *Sharḥ al-Muwaṭṭā' al-Īmām Mālik* (t.tp.: Matba'ah al-Khairiyyah, t.t.), 1:214.

<sup>21</sup> Abī Ḥasan Ibn Baṭṭāl, *Sharḥ Ṣaḥīḥ Bukhārī* (Riyadh: Maktabah al-Rushd 2003), 2:147.

<sup>22</sup> Al-Qurtubī, *Al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'ān*, 2:335.

<sup>23</sup> Abū Zakariyya Yahyā Ibn Sharaf al-Nawāwī, *Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharḥ al-Nawāwī* (Mesir: Matba'ah al-Miṣriyyah bi al-Azhār, 1929), 7:104.

<sup>24</sup> Badr al-Dīn Abī Muḥammad Maḥmūd Ibn Aḥmad al-'Aynī, *'Umdah al-Qārī Sharḥ Ṣaḥīḥ Bukhārī* (T.tp.: Dār al-Fikr, t.t.), 2:111.

<sup>25</sup> Abū Ḥāmid Muḥammad Ibn Muḥammad al-Ghazālī, *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* (Kaherah: al-Maktabah al-Tawfiqiyyah), 2:5 & 6.


<sup>26</sup> Abū Bakr Ibn 'Abd Allāh Ibn al-'Arabī, *'Arīdah al-Akhwadhī bi Sharḥ al-Tirmidhī* (Beirut: Dār Kutub al-'Ilmiyyah 1997), 10:106 & 107.

<sup>27</sup> 'Alī Ibn Ḥasan Ibn 'Asākir, *Al-Tabayīn Kazibu Muftārī* (Damsyik: al-Qudsi, t.t.), 97.

Zarkashī (M794H)<sup>30</sup>, Al-Suyūṭī (M911H)<sup>31</sup> serta ‘Abd al-Ḥaq al-Dahlawī (M1052H)<sup>32</sup>.

Menurut kelompok ini hadis yang menyatakan setiap *bid'ah* itu sesat merupakan sesuatu yang umum dan perlu dikhususkan. *bid'ah* yang dimaksudkan di dalam hadis tersebut sesuatu yang bercanggah dengan sunnah bukan merujuk sesuatu yang tidak dilakukan pada zaman Rasulullah SAW.

Perbincangan mengenai teori *bid'ah ḥasanah* dan *dalālah* dikembangkan lagi oleh Ibn ‘Abd al-Salam (M660H) dengan membahagikan *bid'ah* kepada lima. Sepanjang penelitian, pengkaji melihat Ibn ‘Abd al-Salam merupakan fuqaha’ pertama yang memelopori teori *bid'ah* kepada *aḥkām al-khamsah*. Teori ini kemudian disokong oleh para fuqaha’ sezaman dan selepasnya antaranya murid beliau sendiri Al-Qarrafi<sup>33</sup> (M681) seterusnya didokong oleh al-Nawāwī (M676H), al-Ba‘lī al-Ḥanbalī (M709H) al-Zarqanī (M1122H) serta al-Ṣan‘ānī<sup>34</sup> (M1182H). Sebahagian fuqaha’ selepasnya hanya menerima pembahagian ini dari sudut *lughawī* antaranya Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī serta Ibn Ḥajar al-Haythāmī.



Rajah 1: Pembahagian bid'ah berasaskan teori kelompok pertama.

<sup>28</sup> Al-Mubārah Ibn Muḥammad al-Jazārī Ibn al-Athīr, *Al-Nihāyah fī al-Gharīb al-Hadīth wa al-Athār* (Riyadh: Dār Ibn Jawzī, 1999), 67.

<sup>29</sup> ‘Abd al-Raḥman Ibn Ismā‘īl Abū Shāmah, *Al-Bai‘th ‘alā Inkār al-Bida‘a wa al-Hawādīth* (Mekah: Naḥḍah al-Ḥadīthah, 1981), 21.

<sup>30</sup> Badr al-Dīn Ibn Muḥammad al-Zarkashī, *Al-Manthūr fī al-Qawā‘id Fiqh al-Shāfi‘ī* (Beirut: Dār Kutub al-‘Ilmiyyah 2000), 1:115.

<sup>31</sup> Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī, *Ḥaḥīqah al-Sunnah wa al-Bid‘ah* (Beirut: Dār al-Fikr al-Banānī 1992), 25 & 26.

<sup>32</sup> Muḥammad Riḍā ‘Abd al-‘Alim dan ‘Abd al-‘Azīz al-Ghaffar, *Laysa Kullu Jadīd Bid‘ah* (Kaherah: Wizārah al-‘Awwāqif 1989), 20.

<sup>33</sup> Aḥmad Ibn Idrīs al-Qarāfi, *Kitāb al-Furūq Anwar al-Buruq fī Anwā‘i al-Furūq* (Kaherah: Dār al-Salam 2001), 3:1333-1337.

<sup>34</sup> Muḥammad Ibn Ismā‘īl al-Ṣan‘ānī, *Subul al-Salām* (T.tp: Dār al-Ḥadīth, t.t.), 1:402.

Asas pendalilan kelompok pertama:

Berdasarkan perbincangan di atas dapat dirumuskan bahawa kelompok pertama berhujahkan atas beberapa dalil di atas:

1. *Athār* daripada ‘Umar r.a. berhubung solat tarawih dengan menyatakan “sebaik-baik *bid’ah* adalah ini”.
2. *Athār* daripada Ibn Umar r.a. yang memperihalkan mengenai solat dhuha dengan menyatakan bahawa “sebaik-baik *bid’ah* adalah ini”.
3. Hadith “man sanna sannatan”.

Justeru berdasarkan dalil-dalil tersebut kelompok ini berpandangan bahawa hadith “setiap hadith *bid’ah* itu sesat” merupakan suatu dalil umum yang menerima *takhsis*.

### **Pendekatan Kedua dalam Mentafsirkan Konsep Bid’ah**

Setiap sesuatu perkara yang tidak mempunyai asal di dalam agama adalah *bid’ah* dan setiap *bid’ah* itu adalah sesat sebaliknya perkara yang mempunyai sandaran di dalam agama sama ada dari dalil am atau khasnya ia tidak termasuk di dalam *bid’ah*. Pengertian ini lebih luas di dalam pelaksanaannya.

Di dalam menyoroti pendekatan ini, dilihat Mālik r.a (M179H) fuqaha’ pertama yang membawa kefahaman bahawa setiap *bid’ah* itu berada di dalam kesesatan berdasarkan kata-kata beliau:

من ابتدع في الإسلام بدعة يراها حسنة فقد زعم أن محمداً خان الرسالة لأن الله يقول: أَلْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا<sup>35</sup>.

Terjemahan: Sesiapa berbuat *bid’ah* di dalam Islam, sekalipun ia dilihat baik, maka sesungguhnya beliau telah mendakwa Muhammad telah mengkhianati risalah (agama) kerana Allah SWT telah berfirman: Pada hari ini aku telah sempurnakan agama kamu dan telah sempurnakan ke atas kamu nikmat-Ku dan aku telah meredai Islam sebagai sebuah agama.

Surah al-Mā’idah 5:3

<sup>35</sup> Ibrāhīm bin Mūsā al-Shāṭibī, *al-I’tisām* (Beirut: Maktabah al-Tawhīd 2005), 37.

Pendekatan kelompok turut dipelopori oleh sebahagian fuqaha' dan muhaddithin selepasnya antaranya al-Khattābī (M388H)<sup>36</sup>, al-Turtushī (M525H)<sup>37</sup>, Ibn Taymiyyah (M728H)<sup>38</sup>, Ibn Kathīr (M774H)<sup>39</sup>, Ibn Rajab (M795H)<sup>40</sup>, al-Jurjānī (M816H)<sup>41</sup>, Ibn Hajar al-‘Asqalānī (M852H)<sup>42</sup>, Ibn Hajar al-Haythāmī (M974H)<sup>43</sup> serta ‘Abd al-Hayy al-Hind (M1304H)<sup>44</sup>.

Hujah kelompok ini ialah mengekalkan keumuman yang terdapat sebagaimana lafaz yang di dalam hadis Nabi SAW bahawa setiap *bid'ah* itu sesat. Adapun di dalam memahami *athār* ‘Umar Ibn Khattab r.a. berhubung solat *tarawikh*. Kelompok ini menyatakan bahawa apa yang dinyatakan oleh ‘Umar Ibn Khattāb r.a. berhubung *bid'ah* tersebut menepati *bid'ah* dari segi bahasa. Justeru itu sebahagian mereka mendakwa bahawa teori *bid'ah* yang dibawa oleh kelompok pertama merujuk kepada teori yang hanya menepati dari segi bahasa.

Bagi kefahaman kelompok ini, apabila menyebut sesuatu perkara itu *bid'ah* makrufnya dari segi syarak sesuatu yang tercela. Berdasarkan pandangan kelompok ini lafaz *bid'ah* hanya berlegar antara perkara makruh dan haram. Walau bagaimanapun kelompok ini tidak menamakan setiap perkara yang tidak dilakukan oleh Rasulullah SAW serta zaman awal sebagai *bid'ah*. Perkara *bid'ah* itu hanya merujuk kepada perkara yang bertentangan dengan syariat Islam. Difahami melalui kelompok ini

---

<sup>36</sup> Abī Sulayman Ibn Hamd al-Khattābī, *Ma'ālim al-Sunan (wa huwa Sharh Sunan Abī Dāwūd)* (Halab: Matba'ah al-'Ilmiyyah 1932), 3:301

<sup>37</sup> Muḥammad bin al-Walīd al-Ṭurtūshī, *al-Ḥawādīth wa al-Bida'a* (Tunisia: Matba'ah al-Rasmiyyah li al-Jumhuriyyah al-Tunisiyyah, 1959), 30.

<sup>38</sup> Aḥmad Ibn 'Abd al-Ḥalīm Ibn Taymiyyah, *Majmū' Fatāwā* (Arab Saudi: Majma' Mālik al-Faḥd, 2004), 18:346.

<sup>39</sup> Ismā'īl al-Damshīqī Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm* (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 2002), 1:202.

<sup>40</sup> 'Abd al-Rahman Ibn Shihāb al-Dīn, *Jāmi' al-'Ulūm wa al-Ḥikām* (Beirut: Dār Ibn Kathīr, 2008), 596.

<sup>41</sup> 'Alī Ibn Muḥammad al-Jurjānī, *Mu'jam al-Ta'rīfat* (Kaherah: Dār al-Faḍīlah, 2004), 40.


<sup>42</sup> Al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī*, 4:5253.

<sup>43</sup> Ibn Hajar al-Haythāmī, *al-Fath al-Mubīn bi Sharh al-'Arba'in* (Jeddah: Dār Minhaj, 2008), 476.

<sup>44</sup> Muḥammad 'Abd Allāh al-Hayy al-Laknawī, *Iqāmah al-Hujjah 'alā anna al-Akhār fī al-Ta'abbud laysa bi al-Bid'ah* (T.tp.: t.p., t.t.), 19.

setiap sesuatu perkara itu tidak dinamakan sebagai *bid'ah* melainkan jelas bertentangan dengan prinsip Islam.

Antara hujah kelompok ini adalah *takhsis* mereka terhadap hadis “setiap *bid'ah* itu sesat” dengan hadis yang diriwayatkan oleh ‘Ayshah r.a. yang menyatakan “barang siapa yang mengadakan sesuatu perkara yang bukan darinya maka ia tertolak”. Berdasarkan kepada hadis tersebut, kelompok ini memahami bahawa sekiranya sesuatu perkara mempunyai asas di dalam syarak ia diterima sekalipun tidak berlaku pada zaman awal<sup>45</sup>.



Rajah 2: Pembahagian *bid'ah* berasaskan teori kelompok kedua. Asas pendalilan kelompok kedua:

1. Ayat al-Quran mengenai agama Islam telahpun sempurna (al-Quran, Surah al-Ma'idah 5:3).
2. Mengekalkan keumuman hadith “Setiap *bid'ah* itu sesat”.
3. Berdasarkan hadith “*man ahdatha di amrina*”.

Bagi aliran ini, mereka menerima *athār* ‘Umar r.a. yang mengatakan bahawa “sebaik-baik *bid'ah* adalah ini” adalah merujuk kepada pengertian *bid'ah* dari sudut bahasa.

### **Pendekatan Ketiga dalam Mentafsirkan Konsep Bid'ah**

Setiap perbuatan khususnya ibadah yang tidak pernah berlaku pada zaman Rasulullah SAW adalah *bid'ah* dan setiap *bid'ah* itu sesat. Hal ini termasuk setiap sudut perbuatan tersebut sama ada tatacara, masa tertentu, keadaan tertentu dan sebagainya. Pengertian ini lebih menjurus terperinci dan berfokuskan kepada setiap perkara khususnya berkaitan agama yang tidak berlaku zaman awal.

Sepanjang penelitian, pengkaji melihat hanya al-Shāṭibī r.a. (M790H) yang mengambil pendekatan ini dalam memahami *bid'ah*. Ia merupakan lanjutan dari pemikiran kelompok kedua yang disandarkan kepada Imam Malik r.a. dalam memahami *bid'ah* sehala iaitu kesesatan. Pendekatan ini dilihat agak literal

<sup>45</sup> Al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī*, 4:5253.

dalam menegaskan setiap sesuatu yang tidak dilakukan pada zaman awal merupakan *bid'ah* dan ia sesuatu yang tertolak. Walau bagaimanapun beliau sendiri masih menerima sesuatu yang baharu atas konsep *maṣalih mursalah* dan *istiḥsān*.

Berdasarkan penelitian, aliran ketiga ini merupakan kelompok yang memperhalusi atau pandangan lanjutan bagi kelompok kedua yang menyatakan bahawa setiap *bid'ah* itu sesat. Walau bagaimanapun pandangan ini lebih tegas menyatakan bahawa setiap perbuatan yang mempunyai perkaitan dengan agama yang tidak dilakukan pada zaman awal merupakan perkara *bid'ah* yang tertolak.

Sepintas lalu dilihat tiada perbezaan ketara antara pendekatan ketiga dan kedua dalam memahami *bid'ah* berbanding pendekatan pertama memandangkan mereka bersama di dalam memahami setiap *bid'ah* berada dalam kesesatan. Sebaliknya yang berlaku terdapat perbezaan ketara antara pendekatan ketiga bersama pendekatan pertama dan kedua di dalam memahami *bid'ah*. Hal ini kerana perbezaan pendekatan pertama dan kedua dilihat hanya bersifat *lafzī*. Manakala pendekatan ketiga berbeza dari segi pelaksanaan terhadap setiap amalan yang dikategorikan sebagai *bid'ah*. Secara ringkas pertentangan berlaku antara dua kelompok iaitu mereka yang memahami pengertian *bid'ah* dalam konteks yang umum dan juga mereka yang memahami *bid'ah* dalam konteks yang khusus.

### **Perbincangan**

Berdasarkan huraian yang dinyatakan oleh para fuqaha' dapat dilihat perbezaan pandangan aliran berserta hujah yang dinyatakan. Justeru, hal ini menjadikan perbincangan mengenai *bid'ah* sesuatu yang sentiasa diperselisihkan. Asas utama yang menjadi perbezaan adalah berhubung kefahaman mengenai pentafsiran hadits “setiap *bid'ah* itu sesat”. Menurut aliran pertama mereka menerima hadits ini dengan pengertian yang umum dan perlu dikhususkan, manakala aliran kedua dan ketiga tidak menerima *takhsis* berdasarkan *athar* Saidina ‘Umar r.a. yang menyatakan “sebaik-baik *bid'ah* ini”, sebaliknya mereka menerima *takhsis* berdasarkan hadits “*man aḥdatha fī amrina*”.

Bagi memahami hadits ini, semestinya perlu dilihat kepada teks hadits. Ia perlu diteliti dengan cermat memandangkan ia

merupakan salah satu usul di dalam memahami sebahagian besar permasalahan agama. Dicermati daripada perspektif usul fiqh ia datang dalam keadaan yang umum. Para ulama seperti al-Nawāwī<sup>46</sup>, Ibn Hajar al-Asqalānī<sup>47</sup>, Ibn al-Washtanī<sup>48</sup>, sepakat mengatakan hadith ini dalam keadaan:

العام المخصوص.

Terjemahan: Sesuatu umum yang dikhususkan.

Manakala al-Mubārakfūrī bersependapat dengan al-Shāṭibī ia menunjukkan sesuatu yang umum dengan mengekalkan sifatnya sebagaimana terdapat di dalam hadith. Menurut beliau pembahagian hasil daripada kefahaman hadith ini kepada yang *hasanah* dan *ḍalālah* adalah sesuatu yang tidak benar<sup>49</sup>.

Pemahaman secara literal terhadap nas boleh menyebabkan berlaku salah faham terhadap maksud yang hendak disampaikan nas, perkataan *bid'ah* sebagaimana yang dinyatakan dalam hadith hadir dalam keadaan umum. Untuk menghakimi kesemua *bid'ah* itu *dalalah* ia sesuatu ruang yang terbuka luas meliputi dalam semua aspek sama ada perkara berkaitan agama mahupun dunia. Justeru, semestinya diperlukan kaedah-kaedah yang muktabar dalam memahami hadith ini.

### Lafaz *Kull* dalam Teks Hadith

Menurut ulama usul, pengertian “setiap” *kull* menyamai “semua” *jami'* merupakan sesuatu bersifat umum yang disandarkan kepadanya<sup>50</sup>. Menurut jumhur fuqaha selain setiap lafaz umum boleh dikhususkan sehingga masyhur dalam kalangan mereka tidaklah suatu yang umum melainkan akan mengkhususkan antara satu sama lain<sup>51</sup>. Berbeza pandangan dengan fuqaha' Ḥanafiyah yang berpendapat setiap lafaz yang umum akan kekal dengan sifat

<sup>46</sup> Al-Nawāwī, *Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharḥ al-Nawāwī*, 6:154.

<sup>47</sup> Aḥmad Ibn 'Alī Ibn Muḥammad al-'Asqalānī, *Faṭḥ al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Riyadh: Bayt Afkār al-Dawliyyah2007), 4:5253.

<sup>48</sup> Muḥammad Ibn Khalifah al-Māliki al-Wishtanī, *Ikmal Ikmal al-Mu'allim* (Beirut: Dār Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.), 3:23.

<sup>49</sup> Ṣafī al-Raḥman al-Mubārakfūrī, *Minnah al-Mun'im fī Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim* (Riyadh: Dār al-Salam, 1999), 2:12

<sup>50</sup> Al-Zaydān, *al-Wajīz Uṣūl al-Fiqh*, 242.

<sup>51</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī* (Damsyik: Dār-al-Fikr, 2005), 1:245.

umum selagi tiada dalil yang khusus<sup>52</sup>. Daripada perbincangan ini dapat disimpulkan sepakat fuqaha mengatakan setiap yang umum boleh dikhususkan sekiranya terdapat dalil yang mengkhususkannya. Hal ini diperkuatkan lagi dengan dalil-dalil daripada al-Quran dan al-hadith yang datang dalam bentuk lafaz yang umum tetapi tidak membawa maksud keseluruhannya.

Antaranya contoh yang mudah difahami dari al-Quran:

وَكَانَ وِرَاءَهُمْ مَلِكٌ يَأْخُذُ كُلَّ سَفِيحَةٍ غَضَبًا.

Terjemahan: Kerana di belakang mereka nanti ada seorang raja yang merampas tiap-tiap sebuah perahu yang tidak cacat.

Surah al-Kahfi 18:79

Di dalam ayat ini turut menggunakan lafaz *kull*, namun apa yang difahami melalui ayat bukanlah setiap kapal yang dirampas, sebaliknya kapal yang elok sahaja, jika tidak, tiada manfaat Nabi Khaydir a.s. mencacatkan kapal tersebut. Justeru dapat difahami, lafaz *kull* di sini merujuk kepada “sebahagian kapal”. Namun telah dihilangkan sifat kapal sama ada kapal yang baik mahupun buruk dari teks nas. Difahami dari ayat ini ia merujuk kepada kapal yang telah ditebuk.

Berdasarkan perbincangan, kajian menyimpulkan bahawa pandangan jumbuh fuqaha yang menyatakan bahawa hadith tersebut menerima *takhsis* lebih tepat. Walau bagaimanapun kedua-dua aliran yang bertentangan ini, masing-masing mempunyai sandaran yang tersendiri di dalam mempertahankan hujah mereka. Justeru itu tidak wajar perbincangan mengenai *bid'ah* ini menjadi polemik sehingga mengundang perkara-perkara yang negatif di dalam masyarakat Islam.

## Penutup

Berdasarkan perbincangan dapat diperhatikan bahawa sememangnya terdapat perbezaan pandangan antara fuqaha dalam memberi huraian mengenai teori *bid'ah*. Perbezaan ini bukanlah suatu yang baharu bahkan telah pun wujud perbezaan antara pendefinisian yang dinyatakan oleh Mālik r.a. al-Shāfi'ī r.a. Rentetan dari perbezaan tersebut, para fuqaha selepasnya telah memperluaskan lagi setiap definisi yang dinyatakan. Secara amnya terdapat dua pandangan utama yang bertentangan dalam

<sup>52</sup> Al-Zuhaylī, *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, 1:245.



memahami pengertian *bid'ah* iaitu mereka yang memahami *bid'ah* dalam pengertian yang umum dan juga pengertian yang khusus. Setiap kelompok juga mempunyai sandaran-sandaran tersendiri dalam menguatkan teori yang dinyatakan. Hal ini meletakkan *bid'ah* merupakan suatu perkara yang diperselisihkan. Perbezaan pandangan ini haruslah dihormati dan tidak dijadikan sebagai alat yang menyebabkan perpecahan dalam kalangan ummah.

### **Penghargaan**

Kajian ini merupakan hasil penyelidikan yang dijalankan. Sekalung penghargaan buat Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI) dan Geran Penyelidikan Fakulti APIUM - (GPF009L-2018) atas tajaan penyelidikan yang dijalankan berhubung isu yang dibincangkan.

### **Rujukan**

- ‘Abd al-‘Alim, Muḥammad Riḍā dan al-Ghaffar, ‘Abd al-‘Azīz. *Laysa Kullu Jadīd Bid'ah*. Kaherah: Wizārah al-‘Awqāf 1989.
- ‘Afwan Maḥmūd, Nazih Maḥmūd. “Dawābit wa Qawā’iduhā al-Uṣūliyyah wa al-Fiqhiyyah”. Disertasi, Jāmi‘ah al-Najah Waṭaniyyah, Palestin, 2009.
- Abū Shamah, ‘Abd al-Raḥman Ibn Ismā‘īl. *Al-Bai‘th ‘alā Inkār al-Bida‘ wa al-Hawādīth*. Mekah: Nahḍah al-Ḥadīthah, 1981.
- Al-‘Ash’ath, Abū Dāwūd Sulaymān *Sunan Abū Dāwūd*. T.tp.:t.p, t.t.
- Al-‘Asqalānī, Aḥmad Ibn ‘Alī Ibn Muḥāmmad Ibn Ḥajar. *Fath al-Bārī*. Riyadh: Bayt al-Afkār al-Dawliyyah 2007.
- Al-‘Asqalānī, Aḥmad Ibn ‘Alī Ibn Muḥāmmad Ibn Ḥajar. *Fath al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Riyadh: Bayt Afkār al-Dawliyyah, 2007.
- Al-‘Aynī, Badr al-Dīn Abī Muḥammad Maḥmūd Ibn Aḥmad. *‘Umdah al-Qārī Sharḥ Ṣaḥīḥ Bukhārī*. T.tp.: Dār al-Fikr, t.t.
- Al-Ābādī, Al-Fayruz. *Al-Qāmus al-Muḥīṭ*. Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 2008.
- Al-Ashqar, Muḥammad Sulaymān ‘Abd al-Allāh. *Zubdah al-Tafsīr min Fath al-Qādir*. Kuwait: Wizārah al-Awqāf wa al-Syu‘ūn al-Islāmiyyah 1988.
- Al-Bayhāqī, Abū Bakr Aḥmad ibn Ḥusayn Ibn ‘Alī. *Manāqib al-Shāfi‘ī*. Kaherah: Maktabah Dār al-Turath, t.t..

- Al-Ghazālī, Abū Hāmid Muḥammad Ibn Muḥammad. *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*. Kaherah: al-Maktabah al-Tawfiqiyyah.
- Al-Haythāmī, Ibn Hajar. *Al-Fath al-Mubīn bi Sharḥ al-'Arba'īn*. Jeddah: Dār Minhaj, 2008.
- Al-Jurjānī, 'Alī Ibn Muḥammad. *Mu'jam al-Ta'rīfat*. Kaherah: Dār al-Faḍīlah, 2004.
- Al-Khaṭṭabī, Abī Sulayman Ibn Hamd. *Ma'ālim al-Sunan (wa huwa Sharḥ Sunan Abī Dāwūd)*. Halab: Matba'ah al-'Ilmiyyah 1932.
- Al-Laknawī, Muḥammad 'Abd Allāh al-Hayy. *Iqāmah al-Ḥujjah 'alā anna al-Akhār fī al-Ta'abbud laysa bi al-Bid'ah*. T.tp.: t.p., t.t.
- Al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah*. Kuwait: Wizārah al-Awqāf wa al-Syu'ūn al-Islāmiyyah, 1986.
- Al-Mu'jam al-Wasīṭ*. Mesir: Jumhuriyyah Miṣr al-'Arabiyyah, 2010.
- Al-Mubārakfūrī, Ṣafī al-Raḥman. *Minnah al-Mun'im fī Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*. Riyadh: Dār al-Salam, 1999.
- Al-Nawāwī, Abū Zakariyya Yaḥyā Ibn Sharaf. *Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharḥ al-Nawāwī*. Mesir: Matba'ah al-Miṣriyyah bi al-Azhār, 1929.
- Al-Qarāfī, Aḥmad Ibn Idrīs. *Kitāb al-Furūq Anwar al-Buruq fī Anwā'i al-Furūq*. Kaherah: Dār al-Salam 2001.
- Al-Qurṭubī, Muḥammad Ibn Aḥmad. *Al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'ān*. Beirut: Mu'assasah al-Risālah 2006.
- Al-Ṣan'ānī, Muḥammad Ibn Ismā'īl. *Subul al-Salām*. T.tp.: Dār al-Ḥadīth, t.t.
- Al-Shāṭibī, Ibrāhīm bin Mūsā. *al-I'tiṣām*. Beirut: Maktabah al-Tawḥīd 2005.
- Al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn. *Ḥaḥiqah al-Sunnah wa al-Bid'ah*. Beirut: Dār al-Fikr al-Banānī 1992.
- Al-Tirmidhī, Muḥammad Ibn 'Īsā. *Sunan al-Tirmidhī*. T.tp.: t.p., t.t.
- Al-Ṭurṭūshī, Muḥammad bin al-Walīd. *Al-Ḥawādīth wa al-Bida'a*. Tunisia: Matba'ah al-Rasmiyyah li al-Jumhuriyyah al-Tunisiyyah, 1959.
- Al-Wishtanī, Muḥammad Ibn Khalifah al-Māliki. *Ikmal Ikmal al-Mu'allim*. Beirut: Dār Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.

- Al-Zarkashī, Badr al-Dīn Ibn Muḥammad. *Al-Manthūr fī al-Qawā'id Fiqh al-Shāfi'ī*. Beirut: Dār Kutub al-'Ilmiyyah 2000..
- Al-Zarqānī, Muḥammad. *Sharḥ al-Muwaṭṭā' al-Īmām Mālik*. T.tp.: Matba'ah al-Khairiyyah, t.t.
- Al-Zuhaylī, Wahbah. *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*. Damsyik: Dār-al-Fikr, 2005.
- Ibn 'Asākir, 'Alī Ibn Ḥasan Al-Tabyīn. *Kazibu Muftarī*. Damsyik: al-Qudsi, t.t.
- Ibn al-'Arabiy, Abū Bakr Ibn 'Abd Allāh. *'Arīdah al-Akhwadhī bi Sharḥ al-Tirmidhī*. Beirut: Dār Kutub al-'Ilmiyyah 1997.
- Ibn al-Athīr, Al-Mubārak Ibn Muḥammad al-Jazārī. *Al-Nihāyah fī al-Gharīb al-Ḥadīth wa al-Athār*. Riyadh: Dār Ibn Jawzi, 1999.
- Ibn Baṭṭāl, Abī Ḥasan. *Sharḥ Ṣaḥīḥ Bukhārī*. Riyadh: Maktabah al-Rushd 2003.
- Ibn Hazm, Abī Muḥammad 'Alī Ibn Aḥmad. *Al-Iḥkam fī Uṣūl al-Aḥkām*. Beirut: Dār al-Āfaq al-Jadīdah 1983.
- Ibn Kathir, Ismā'īl al-Damshīqī. *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*. Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 2002.
- Ibn Manzūr, Muḥammad Ibn Mukarram. *Lisān al-'Arab*. Beirut: Dār Ṣādir, 2005.
- Ibn Shihāb al-Dīn 'Abd al-Rahman. *Jāmi' al-'Ulūm wa al-Ḥikām*. Beirut: Dār Ibn Kathīr, 2008.
- Ibn Taymiyyah, Aḥmad Ibn 'Abd al-Ḥalīm. *Majmū' Fatāwā*. Arab Saudi: Majma' Mālik al-Faḥd, 2004.
- Sheikh Abdullah Basmeih. *Tafsīr Pimpinan Ar-Rahman*. Selangor: Darul Fikir Sdn. Bhd, 2010.
- Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar. "Analisis Perbandingan Antara Pemikiran Ibn Abd al-Salam (M660H) dan al-Shatibi (M790H) Tentang Teori Bid'ah". Tesis Kedoktoran, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2017.

